

**Kenyataan Media  
Untuk Siaran Segera**

**15 April 2020**

**Lanjutan Tarikh Tutup Permohonan Pengiktirafan dan Anugerah George Town World Heritage Incorporated 2020 sehingga 31 Disember 2020**

GEORGE TOWN: Dengan sukacitanya George Town World Heritage Incorporated akan melanjutkan tarikh tutup permohonan untuk Pengiktirafan dan Anugerah George Town World Heritage Incorporated 2020 sehingga 31 Disember 2020, jam 5 petang.

Dengan penularan wabak COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan oleh Kerajaan Malaysia yang dilanjutkan, pihak George Town World Heritage Incorporated memahami bahawa lebih banyak masa diperlukan dalam penyediaan dokumen pencalonan untuk anugerah ini.

Penambahan masa permohonan ini akan membolehkan lebih banyak pencalonan individu, acara atau projek untuk diiktiraf atau dianugerahkan dalam acara ini.

Bersempena dengan ulang tahun ke-10 George Town World Heritage Incorporated, Anugerah ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada individu, organisasi atau perniagaan daripada pelbagai bidang di atas sumbangan yang luar biasa mereka dalam mengekalkan Nilai Keunggulan Sejagat di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Anugerah dengan empat kategori pencalonan:

**(1) Anugerah Konservasi, Kemajuan dan Adaptasi**

- Untuk projek-projek pemeliharaan bangunan warisan atau projek yang melengkapkan dan menggunakan fabrik warisan sedia ada, memperbaharui cara guna dan pembangunan baru yang bersimpati dan berharmoni dengan cara guna tradisi tapak dan strukturnya serta yang dapat meningkatkan atau mengekalkan nilai warisannya.
- Untuk projek-projek pemeliharaan bangunan warisan atau projek yang melengkapkan dan menggunakan fabrik warisan sedia ada, memperbaharui cara guna dan pembangunan baru yang bersimpati dan berharmoni dengan cara guna tradisi tapak dan strukturnya serta yang dapat meningkatkan atau mengekalkan nilai warisannya.
- Mana-mana projek pemeliharaan bangunan warisan yang telah selesai dalam Tapak Warisan Dunia George Town antara tahun 2008 dan 2019 adalah layak untuk kategori ini.
- Anugerah tersebut akan diberikan kepada pemilik projek.

**(2) Anugerah Program dan Aktiviti Warisan Budaya**

- Untuk program atau aktiviti berkaitan warisan kebudayaan yang menonjol dan telah dianjurkan secara berterusan sejak 5 tahun yang lalu dengan tujuan untuk mempromosikan pendidikan, interpretasi dan penglibatan masyarakat dalam warisan.
- Program atau aktiviti berkaitan warisan budaya yang dicalonkan mesti dijalankan, berarak melalui atau diasaskan di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan telah dijalankan secara berterusan selama 5 tahun yang lalu (2015 - 2019).
- Anugerah tersebut akan diberikan kepada penganjur utama.

### (3) Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat

- Bagi individu yang telah memberi komitmen jangka panjang dan mempunyai kepakaran khusus dalam bidang pemuliharaan, perlindungan, penguasaan kemahiran, pengetahuan, amalan
- Bagi individu yang dan telah menunjukkan usaha yang cemerlang, kemahiran dan dedikasi untuk berkongsi kemahiran dan pengetahuan warisan budaya.
- Bagi individu (warganegara Malaysia / pemastautin tetap, berumur 60 tahun ke atas) yang memelihara dan berkongsi kemahiran dan pengetahuan warisan budaya.

### (4) Pengiktirafan Kesenambungan Budaya

- Untuk mana-mana individu, organisasi, perniagaan atau perkhidmatan yang telah ditubuhkan atau menjalankan kegiatan sekurang-kurangnya 25 tahun dan menonjol dalam meneruskan tradisi nilai warisan budaya George Town.
- Platinum: 100 tahun ke atas
- Emas: 50-99 tahun
- Perak: 25-49 tahun
- Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap.
- Calon adalah boleh dari dalam atau luar Tapak Warisan Dunia George Town, tetapi mereka haruslah menunjukkan kegiatan aktif dalam 25 tahun terakhir sekurang-kurangnya.

Penerima Anugerah akan menerima plak, sijil penyertaan, diberi keutamaan dalam menyertai aktiviti mempromosi kebudayaan oleh George Town World Heritage Incorporated, dan jemputan untuk penerimaan anugerah khas yang akan disampaikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang.

Individu dan kumpulan yang layak boleh mencalonkan diri sendiri atau dicalonkan oleh orang lain. Borang permohonan boleh dimuat turun di <http://gtwhi.com.my/heritage-recognition-awards-2020/>. Sila hantar borang permohonan melalui e-mel ke [info@gtwhi.com.my](mailto:info@gtwhi.com.my) atau pos ke pejabat kami di alamat berikut:

#### **George Town World Heritage Incorporated**

(Pengiktirafan dan Anugerah Warisan 2020)

No. 116 & 118, Lebuah Aceh,  
10200 George Town, Penang, Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Lee Cheah Woon ([cheahwoon@gtwhi.com.my](mailto:cheahwoon@gtwhi.com.my), 016-422 9307)

Cik Sim Jun Hui ([junhuisim@gtwhi.com.my](mailto:junhuisim@gtwhi.com.my), 014-604 3125)

#### **Untuk perhubungan media, sila hubungi:**

Josephine Jalleh

Pengurus Bahagian Komunikasi dan Kolaborasi

George Town World Heritage Incorporated

017-446 5366, [josephine@gtwhi.com.my](mailto:josephine@gtwhi.com.my)

[www.gtwhi.com.my](http://www.gtwhi.com.my)